

19 OCT 2003

BUKU SUKAN MENGENAI SUMBANGAN DR MAHATHIR DILANCARKAN

PUTRAJAYA, 19 Okt (Bernama) -- Sebuah buku sukan bertajuk "Dr Mahathir Mohamad -- Bapa Pembangunan Sukan Malaysia" dilancarkan hari ini sebagai penghormatan istimewa kepada Perdana Menteri yang akan bersara pada hujung bulan ini.

"Bidang sukan di negara ini bertuah kerana mempunyai pemimpin yang berwawasan dan dengan komitmen seperti Dr Mahathir," kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk M. Kayveas semasa melancarkan buku itu di Ekspo Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini.

Buku berkulit tebal dengan 215 muka surat dan berwarna penuh itu mengisahkan sumbangan Dr Mahathir dalam bidang sukan serta penekanan dalam pembangunan sukan di negara ini.

Katanya, penganjuran Sukan Komanwel 1998, pembinaan Kompleks Sukan Bukit Jalil dan Litar F1 di Sepang membuktikan komitmen Dr Mahathir dalam membawa pembangunan sukan di negara ini.

"Semangat "Malaysia Boleh" yang digalakkan oleh Dr Mahathir juga memberi motivasi kepada rakyat Malaysia untuk berjaya mendaki Gunung Everest, belayar mengelilingi dunia dan merentas Selat Inggeris," katanya.

Buku tulisan Datuk Raja Mohamad Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif Ramcel Media Sdn. Bhd, itu dijual dengan harga RM99 senaskah dan boleh didapati di pasaran mulai esok.

-- BERNAMA

NJ DC PR